

16/09/1998

Najib pemangku Presiden UIA

KERAJAAN memutuskan untuk menamatkan perkhidmatan bekas Timbalan Perdana Menteri (TPM) dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Bagaimanapun, surat pelucutan jawatan itu masih dalam proses dan akan diserahkan kepada Anwar tidak lama lagi.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melantik Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pemangku Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIA) bagi menggantikan Anwar buat sementara waktu.

Menurut Najib, keputusan itu dibuat sebaik sahaja beliau mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri berhubung kedudukan Anwar sebagai Presiden UIA selepas dilucutkan daripada semua jawatan dalam kerajaan 2 September lalu.

"Surat pelucutan jawatan itu masih dalam proses kerana kita perlu mematuhi beberapa prosedur tertentu. Tambahan pula, UIA ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, maka kita perlu melalui Pendaftar Syarikat.

"Bagaimanapun, kedudukan Anwar sebagai Presiden UIA sudah diputuskan dan dia tidak lagi memegang jawatan itu, sebaliknya Perdana Menteri meminta saya memangku jawatan berkenaan sementara waktu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani Memorandum Persefahaman Multimedia antara Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan Rakan Bestari Dewan di DBP, semalam.

UIA ditubuhkan pada 1983 oleh Kerajaan Malaysia di bawah Akta Syarikat tetapi menerima peruntukan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan dari negara Islam.

Ketika ditanya sama ada beliau akan terus memegang jawatan Presiden UIA itu, Najib berkata, jawatan itu tidak sesuai dipegang oleh Menteri Pendidikan kerana semua universiti sentiasa berhubung dengannya.

"Saya berpendapat tidak sesuai sekiranya saya terus memegang jawatan itu, sebaliknya saya menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk melantik sesiapa saja sebagai Presiden UIA selepas ini.

Najib juga akan menggantikan Anwar sebagai Lembaga Pengarah Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (Istac), tidak lama lagi.

Mengenai pembabitan pelajar dalam gerakan reformasi yang dianjurkan oleh bekas TPM itu, Najib berkata, beliau sudah mengadakan perjumpaan dengan semua naib canselor universiti tempatan dan mengarahkan mereka memantau perkembangan pelajar dari semasa ke semasa terutama dalam aktiviti berkenaan.

(END)